



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinit 16 - 15 September 2024

Doa Hari ini

Tuhan atas segala kuasa dan keperkasaan, sumber dan pemberi segala yang baik, cantumkan di dalam hati kami kasih akan Nama-Mu, tambahkan ibadah yang benar di dalam kami, didikan segala kebaikan di dalam kami, dan melalui rahmat-Mu yang besar, peliharalah kami dalam keadaan yang demikian, oleh Yesus Kristus Tuhan Kami. Amin.

Injil - Markus 8:27-akhir

Pembacaan Berbalas-balas -
Yakobus 1:12-18



**Setiap pemberian yang baik
diturunkan dari Bapa segala terang**

Apakah yang anda terima daripada Tuhan
akhir-akhir ini?

- Yakobus 1:17

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah pun bangkit, dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. SELAMAT HARI MALAYSIA

Semoga 'Tuhan memberkati Malaysia' sempena kita meraikan ulang tahun ke-61 negara kita yang tercinta. Semoga kita menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran negara. Semoga gereja-gereja disenggarakan semula untuk berkongsi kasih Tuhan.

2. 'LATIH IMAN KITA'

Kita teruskan siri khutbah dari Kitab Yakobus. Buku pendek ini penuh dengan nasihat kepada para pengikut Yesus untuk mengamalkan iman kepercayaan mereka. "Menjadi pelaku firman, dan bukan hanya pendengar saja, sebab jika tidak demikian kamu menipu diri sendiri" - 1:22. Topik untuk beberapa minggu akan datang:


- hari ini '**Berteguhlah**' - **Yakobus 1:12-18**
- 22 Sep '**Bergiatlah**' - **Yakobus 1:19-25**
- 29 Sep '**Bersikaplah Adil**' - **Yakobus 2:1-13**
- 6 Okt: '**Berpraktikallah**' - **Yakobus 2:14-26**

Mulakan membaca Kitab Yakobus; dan nikmatilah mendengar suara Tuhan.

3. BERMULA MALAM INI

Konferensi Doa Diosis 'Terobosan' bermula malam ini, Dewan Hosana, ASC, 7:30 malam. Semua dialu-alukan untuk hadir. Ini adalah satu-satunya sesi terbuka kepada semua. Sesi seterusnya adalah untuk mereka yang mendaftar sahaja. Anda juga boleh datang dan terus daftar. Lebih 500 orang yang telah mendaftar. Berdoalah untuk pekerjaan Roh Tuhan yang hebat.

18 Sep - 'Perancangan Strategik'. Sesi khas untuk pemimpin gereja dan pendoa syafaat. Kemasukan adalah percuma; tetapi pendaftaran diperlukan.



4. RIBUAN TERIMA KASIH

Muda-mudi kita mengucapkan 'terima kasih' atas sokongan padu anda yang terungkap dalam jumlah sebanyak RM4,800/- bagi membolehkan mereka menyertai khemah muda-mudi BM, Telupid.

5. PERSEKUTUAN DOA BAHASA CINA

Khamis ini, 12 Sep, 8:00 pm - hibrid, di Dewan Alpha & menerusi Zoom. Fokus: Membangkitkan Pekerja-pekerja Injil.
Meeting ID: 849 0600 4194 Passcode: 0224

6. KONFERENSI-KONFERENSI DIOSIS

- 16-18 Sep - **Latihan Pemimpin Awam** (LPA) BM, di Telupid. 19-21 Sep -

Khemah Muda-mudi BM, di Telupid.

- 30 Sep-2 Okt, Kudat - **Konferensi Belia BM**. 16 belia kita telah mendaftar. Pendaftaran masih dibuka.
- 30 Okt-1 Nov, Katedral All Saints - **Konferensi Pemimpin BC & BI**. Menyeru semua paderi, pastor, pemimpin awam dan pemimpin pelayanan lain, untuk diperlengkapkan lagi demi untuk melayani dalam pelbagai pelayanan. Bisyop Stephen Soh, Diosis Malaysia Barat, adalah fasilitator utama.
- 30-31 Okt, Christ Church Likas - **Konferensi Pendidikan**. Menyeru semua guru, pendidik, ahli lembaga sekolah, dan paderi kita untuk datang dan mendapatkan inspirasi untuk menjadi 'misionari' kepada generasi pelajar yang akan datang. Nota keterangan ada dipaparkan pada papan informasi.



7. SEKOLAH ST. AGNES MERAYAKAN 110

Sungguh suatu pencapaian penting!! Memanggil semua alumni dan orang ramai bersama-sama memeriahkan majlis makan malam kesyukuran, pada 19 Okt. Kupon makan malam tersedia di Meja Pelayanan Jemaat.

8. TAKZIAH

Salam takziah kepada keluarga Pn. Peggy Fong, 84; yang telah meninggal dunia pada hari Selasa, 10 Sep yang lalu. Terpujilah Tuhan untuk hamba-Nya yang setia. Doakan buat keluarga yang ditinggalkan.

9. PELAYANAN-PELAYANAN YANG LAIN

- Tadika ASAA dibuka untuk pendaftaran bagi kanak-kanak berumur 4-5 tahun pada tahun 2025. Butiran di papan informasi.
- **Jawatan kosong di ARK:** Pembantu dapur dan Pencuci pakaian & Pembersihan. Jika berminat, sila hubungi: 016-818 9013.
- **Gubahan bunga** untuk hari ini disumbangkan oleh Adrian, Waiwai & Aurora.

10. PROJEK LABUR - terima-kasih!!

Terkini: RM122,480/- Minggu lepas: RM3,415/- Masih diperlukan: RM477,520/-

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Latih Iman Kita
Berteguhlah
Yakobus 1:12-18

Untuk renungan & perbincangan:

1. Kongsi pengalaman anda menangkap tikus. Perangkap apa yang anda gunakan? Adakah anda dapat menangkap tikus tersebut?
2. Baca Yakobus 1:13. Adakah Tuhan mencubai (menggoda) seseorang? Mengapa atau mengapa tidak? Adakah Tuhan 'menguji' seseorang? Mengapa atau mengapa tidak? Apakah perbezaan antara 'pencubaan' (ujian) dan 'godaan'?
3. Baca Yakobus 1:14-16. Apa itu godaan? Bagaimanakah godaan diterangkan di sini? Bagaimanakah seseorang tergoda? Berikan beberapa contoh dari Alkitab atau dari pengalaman anda sendiri, bagaimana seseorang tergoda? Apakah yang terjadi jika tergoda ?
4. Bagaimanakah kita boleh mengelak dari godaan? Apakah sumber yang boleh kita minta untuk menolong kita, apabila kita tergoda?
5. Baca Yakobus 1:17-18. Apakah yang kita pelajari tentang Tuhan daripada ayat-ayat ini? Apakah kehendak Tuhan, menurut ay18? Apakah yang dimaksudkan dengan 'anak sulung'? Bagaimanakah kita menjadi 'anak sulung' dari ciptaan Tuhan?
6. Berdasarkan kehendak Tuhan untuk kita (ay18), bagaimana kita harus meresponi? Bagaimanakah kita boleh menjalani kehidupan sebagai suatu 'persembahan' kepada Tuhan? Berikan beberapa contoh nyata.
7. Apakah yang Tuhan janjikan kepada mereka yang tetap setia kepada-Nya, ay12? Berdoalah untuk satu sama lain; terutama bagi mereka yang mengalami ujian dan godaan.

UNTUK DIDOAKAN

Negara kita yang tercinta

- agar kita berdiri di atas janji Tuhan untuk memberkati Sabah, Sarawak dan Semenanjung [agar kita melihat betapa besar dan hebatnya Allah kita yang mencurahkan berkat ke atas seluruh negara demi umat-Nya yang setia]

Diosis kita yang dikasihi

- berdoa untuk Konferensi Doa, Konferensi Pemimpin & Konferensi Muda-mudi [kiranya banyak kehidupan diubah untuk terus melayani Tuhan dan masyarakat dengan lebih baik]

Diri kita sendiri

- berdoa untuk hati yang selalu bersyukur agar dapat membawa kita untuk beribadah dan melayani [supaya kita lebih menghargai kebaikan Tuhan]
- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.